

25/09/2000

Dua hari lagi untuk serah lesen

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemegang `lesen terbang' dan `lesen gerenti lulus' hanya mempunyai masa dua hari lagi untuk menyerahkan lesen masing-masing kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), sebelum tindakan sewajarnya diambil terhadap mereka.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kementerianya akan menyokong apa juga tindakan yang akan diambil oleh BPR terhadap pemegang lesen yang gagal berbuat demikian.

Katanya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga akan memberikan sokongan serta kerjasama sepenuhnya terhadap apa juga tindakan yang diambil BPR terhadap pemegang lesen berkenaan selepas tamat tempoh penyerahan Selasa ini.

Beliau berkata, ini termasuk usaha untuk mempamerkan senarai nama pemegang lesen berkenaan dalam laman web kementerian di bawah JPJ, jika diminta berbuat demikian.

"Jika mereka lanjutkan tarikh itu (26 September), kita akan sokong. Jika mereka kata tidak, kita juga akan sokong. Kita akan memberi kepada mereka (BPR) 100 peratus kebebasan (untuk membuat apa-apa)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung tahunan Ke-24 Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBN), di sini hari ini.

BPR menganggarkan ada lebih 100,000 pemegang lesen terbang dan lesen gerenti lulus dan setakat ini jumlah mereka yang sudah memulangklannya kepada BPR masih kecil.

Mengenai keputusan beberapa syarikat insurans untuk tidak melayan apa jua tuntutan oleh mereka yang memiliki lesen terbang dan lesen gerenti lulus, Dr Ling berkata mereka terpaksa menanggung akibatnya.

"Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai kedudukan untuk membantu, termasuk merayu jika mereka dihadapkan ke mahkamah. Perkara ini berkaitan dengan undang-undang," katanya.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita kemudian Ling menasihatkan semua kaum di negara ini supaya tidak bersikap tamak, sebaliknya berkongsi bersama kaum lain.

Katanya, setiap negara memperuntukkan hak tertentu kepada setiap kaum dan mereka tidak harus meminta lebih daripada yang diperuntukkan.

"Di mana-mana negara pun, setiap kaum ada hak masing-masing. Jangan habiskan semua, tinggalkan sedikit untuk orang lain dan kongsilah dengan orang lain juga.

"Kita mesti mengetahui bahagian (hak) masing-masing. Jangan meminta lebih daripada itu. Amalkan konsep berkongsi dan prihatin yang diajar sejak kecil lagi di dalam keluarga kita," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa sesetengah kaum tidak boleh meminta terlalu banyak daripada kerajaan.

Ditanya mengenai kedudukan Jawatankuasa Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu), beliau berkata: "Nasihat yang diberikan Perdana Menteri adalah nasihat yang tepat, matang dan dilahirkan daripada pengalaman sebenar.

"Saya harap pertubuhan seperti Suqiu akan mengambil berat dan menerima nasihat seperti ini dengan baik kerana ia diberi demi menjaga kepentingan negara dan rakyat," katanya.

Sementara itu, Ling berkata beberapa kejadian kereta api tergelincir sejak akhir-akhir ini tidak semestinya tidak semestinya disebabkan keadaan

landasan yang usang, tetapi juga faktor lain.

Katanya, keadaan roda tren yang usang juga boleh menyebabkan seluruh gerabak diheret daripada landasan dan tergelincir.

"Punca sebenar belum diketahui dan saya akan pergi ke tempat kejadian esok untuk mengenal pasti punca utama dan langkah jangka pendek serta panjang yang harus diambil untuk mengelakkan kejadian itu daripada berulang," katanya.

Beliau berkata, pemantauan dan pemeriksaan landasan sentiasa dilakukan oleh pihaknya dengan menggunakan peralatan moden seperti 'Pegesan Landasan Ultrasonik' untuk mengesan landasan yang usang dan rosak.

Katanya, pencegahan seperti menghadkan kelajuan kereta api di lokasi yang dikenal pasti berisiko tinggi menyebabkan kemalangan berlaku akan diambil untuk mengelakkan kejadian itu daripada berulang.

Pada 13 September lalu, sebuah daripada 10 gerabak tren Ekspress Wau dari Tumpat ke Kuala Lumpur tergelincir pada jam 6.35 pagi di antara stesen UKM dengan Kajang dekat sini.

Empat hari selepas itu, empat gerabak tren membawa kargo barangan perkapalan dari Ipoh ke Pelabuhan Klang terbalik dari landasan selepas sebuah daripada gerabak di depannya tergelincir ketika melalui Kilometer 221.5 laluan Kampar-Tapah Road.

(END)